

Tafsir semula Al-Quran — Dr. M

UUM - 3 FEB 1994

Oleh
WAHID HASHIM

KUALA LUMPUR 2 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah perlu para ulama dan cendekiawan Islam daripada pelbagai bidang berganding bahu menafsir semula Al-Quran.

Katanya, Al-Quran perlu ditafsir semula bagi menggantikan pentafsiran lama yang dilakukan oleh segelintir ulama yang berkepentingan tertentu selepas era kegemilangan Islam.

Menurut beliau, umat Islam perlu kembali kepada kandungan sebenar Al-Quran semasa ia mula-mula diturunkan pada zaman Nabi Muhammad S.A.W.

Kata beliau, mentafsirkan semula Al-Quran merupakan satu-satunya cara mengembalikan kegemilangan Islam supaya sesuai dengan tuntutan semasa dan bukan untuk kepentingan individu, kumpulan atau untuk tujuan politik.

"Kemajuan di bidang sains, genetik, penerokaan alam sekitar, perdagangan dan perindustrian memerlukan pentafsiran Al-Quran dengan cara yang cukup ilmiah supaya kemajuan di bidang tersebut dapat dikaitkan dengan kandungan Al-Quran," kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap merasmikan Seminar Mengenai Al-Quran di Pusat Islam di sini hari ini. **[Gambar dan laporan seminar di muka 3].**

Dr. Mahathir menambah, sekiranya usaha itu tidak dilakukan segera maka risiko Al-Quran dilabelkan sebagai tidak sesuai lagi dengan zaman moden mungkin akan ditimbulkan satu hari nanti, dan masyarakat bukan Islam akan mengambil kesempatan mencemuh Al-Quran. Al-Quran tidak pernah ketinggalan zaman atau hilang relevannya.

Tafsir semula Al-Quran — Dr. M

UUM - 3 FEB 1994

Menurut beliau, orang Arab semasa kegemilangan Islam menguasai pelbagai bidang ilmu dan kemahiran kerana mereka mengkaji serta mempraktikkan isi kandungan Al-Quran.

Serentak dengan itu, beliau mempersoalkan mengapa umat Islam hari ini tidak dapat mengekalkan kegemilangan tersebut, sedangkan kandungan Al-Quran tidak sedikit pun diubah.

"Salah satu puncanya ialah bermacam-macam pentafsiran tentang isi kandungan Al-Quran," kata beliau.

Kata Perdana Menteri, Al-Quran juga tidak boleh ditafsirkan perkataan demi perkataan kerana ia hanya menghadkan isi pengajaran yang terkandung di dalamnya, menjadikan maksud sebenar terpesong dan Al-Quran akan ketinggalan zaman.

Beliau memberi contoh, di dalam Al-Quran disebut orang Islam terpaksa memiliki pedang dan kuda untuk mempertahankan diri.

"Tetapi cara membuat pedang dan membiak kuda tidak diberitahu dalam Al-Quran, dan oleh itu orang Islam perlu mempelajarinya," kata beliau.

Selain itu, kata beliau, kuda dan pedang disebut dalam Al-Quran hanya sebagai simbol keperluan mempertahankan diri.

"Oleh itu, ia perlu ditafsirkan mengikut kesesuaian zaman sekarang di mana peperangan moden memerlukan senjata-senjata canggih.

"Dan ini tidak bermakna Al-Quran ketinggalan zaman, dan pentafsiran perlu betul," kata beliau.

* Menurut beliau, terdapat bukti bahawa para ulama hujung era kegemilangan Islam iaitu pada zaman pemerintahan Kerajaan Othmaniah mentafsir Al-Quran mengikut kepentingan mereka, dan oleh itu membuat pentafsiran Al-Quran sedemikian rupa supaya kedudukan mereka tidak terganggu.

"Selepas lenyapnya pengaruh gereja di Turki, para ulama ini tidak menggalakkan pembelajaran berbentuk bukan agama dengan harapan bentuk ilmu sekular itu tidak akan menggugat kedudukan mereka," kata beliau.

Oleh itu, kata Perdana Menteri pada ketika itu semua bentuk ilmu yang tidak ada kena mengena dengan agama Islam akan diisytiharkan sebagai sekular dan tidak sesuai untuk dipelajari oleh orang-orang Islam.

Akibatnya, ilmu sastera dan sains yang dimiliki oleh pemimpin-pemimpin Islam yang memimpin sebahagian besar muka bumi pada ketika itu lenyap sedikit demi sedikit, kata Dr. Mahathir.

Kata beliau, orang Islam semakin lama semakin lemah

dan akhirnya mereka diperintah oleh Barat, seperti mana yang berlaku pada hari ini.

"Lebih malang lagi, pentafsiran yang dibuat oleh ulama-ulama selepas zaman kegemilangan Islam ini masih tersebar luas di seluruh dunia hari ini," ujarnya.

Menurut beliau, Islam adalah agama yang pada prinsipnya berasaskan kepada ajaran Al-Quran yang merangkumi segenap cara hidup orang Islam.

Oleh itu, beliau berkata, membaca Al-Quran tidak semata-mata bertujuan untuk mendapatkan pahala, tetapi isi kandungannya mestilah difahami dengan bersungguh-sungguh.

Untuk memahami Al-Quran, seseorang Islam haruslah mengkaji juga sunnah dan hadis Nabi Muhammad S.A.W..

"Quran tidak pernah silap, tetapi para pengkajinya yang kadangkala melakukan kesilapan, dan oleh itu maka timbullah pelbagai tafsiran terhadap isi kandungan Al-Quran, Hadis dan Sunnah Rasulullah," ujarnya.

Tambahnya, sekiranya satu pihak menolak pentafsiran yang dibuat oleh satu pihak yang lain, ia tidak bermakna pihak tersebut menolak Al-Quran dan agama Islam.

"Inilah yang berlaku antara Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan golongan Syiah," kata beliau.

Menurut beliau adalah sesuatu yang malang apabila ada ulama yang hanya berpegang teguh kepada pentafsiran yang mereka buat, dan ulama seperti ini adalah punca kepada perselisihan di kalangan umat Islam.

"Ulama-ulama yang taksab ini menyebabkan pertelagahan dan peperangan, dan peperangan sesama Islam sebenarnya dilarang dalam Al-Quran," kata beliau.

Menurut beliau, terdapat juga riwayat-riwayat hadis palsu yang muncul selepas Nabi Muhammad wafat.

"Bagaimanapun, kegiatan mereka ini dapat dipatahkan oleh Saidina Abu Bakar, kalau tidak tentu hadis-hadis palsu ini akan memesongkan orang-orang Islam sekarang," ujar beliau.

Hari ini, kata Perdana Menteri, rata-rata negara Islam ditindas, ketinggalan, tidak mampu mempertahankan diri sendiri dan hanya berserah kepada nasib.

Malah, kata beliau, ada negara Islam yang hanya tinggal pada nama sahaja.

Mengenai seminar tersebut, beliau menganggapnya seminar itu penting kepada pembangunan di negara ini yang selaras dengan tuntutan Islam.

Empat kertas kerja dibentangkan oleh pemikir Islam dari dalam dan luar negara pada seminar selama tiga hari itu yang bertemakan Wawasan Memajukan Ummah.